

15 MAY 1999

MAHATHIR RASMI HARI BELIA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Hari Belia di Stadium Putra di Bukit Jalil, di sini.

Majlis itu menghimpunkan kira-kira 10,000 belia daripada pelbagai pertubuhan di seluruh negara.

Tema sambutan tahun ini ialah "Patriotisme Belia Memantapkan Kestabilan Negara".

Dalam kata-kata aluan dalam buku cenderamata majlis, Dr Mahathir berkata generasi belia perlu gigih dan mempamerkan semangat bekerjasama untuk mengembalikan keyakinan dan membentuk keupayaan minda bagi memajukan diri mereka.

Yang turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA

AFY AKD